



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI KEJURUTERAAN  
SEKOLAH KOMPUTERAN  
SEMESTER 2 2020/2021

**LAPORAN MINI AKTIVITI (1)**

**PERTANDINGAN PIDATO KEPENGGUNAAN 2021  
(KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI)**

**DISEDIAKAN OLEH :**

NOR ARMIRANI BINTI MOHD MAZLAN  
A19EC0122

**PENASIHAT AKADEMIK :**

PUAN ROZILAWATI BINTI DOLLAH @ MD ZAIN

**DISEDIAKAN PADA :**

5 APRIL 2021

Pertandingan Pidato Kepenggunaan Peringkat Universiti-Universiti Awam Malaysia telah dijalankan selama dua bulan bermula daripada Februari 2021 sehinggalah 1 April 2021. Program ini telah dijalankan oleh Kelab Gerakan Pengguna Siswa UTMJB dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM). Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk menyebarkan lagi informasi tentang kepenggunaan dan juga meningkatkan lagi kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar serta para hadirin yang terlibat.

Pertandingan ini telah dijalankan secara dua peringkat iaitu peringkat saringan dan juga peringkat akhir. Dalam peringkat saringan, para peserta diminta untuk memuat naik video pidato mereka kepada jawatankuasa kami dan pada tarikh akhir peringkat saringan, beberapa orang juri akan menilai video-video tersebut untuk menentukan peserta yang layak ke peringkat akhir. Peringkat akhir pula telah dijalankan pada 1 April 2021 dan pemenang telah diumumkan di akhir program. Para juri terdiri daripada beberapa orang wakil daripada MADUM dan juga UTM sendiri.

Saya sebagai ahli jawatankuasa protocol telah ditugaskan untuk mencari seorang pengacara majlis dan seorang pembaca doa untuk peringkat akhir. Saya juga telah ditugaskan untuk menyediakan skrip pengacara majlis dan doa bagi melancarkan aliran majlis. Selain itu, semasa majlis berlangsung, saya ditugaskan untuk berada Bersama-sama peserta di dalam *Google Meet* untuk memberitahu giliran mereka untuk masuk ke *Streamyard*.

Gambar :

